


# Muhyiddin, Hsien Loong bincang perkembangan projek HSR

BH - 3/12/2020 uli: 2



Muhyiddin mengadakan sidang video bersama Hsien Loong berkenaan projek HSR di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong, semalam mengadakan sidang video bagi membincangkan perkembangan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR).

Perbincangan itu diadakan menjelang tarikh akhir lanjutan kali kedua tempoh penangguhan keputusan mengenai projek berkenaan yang sebelum ini ditetapkan pada 31 Disember 2020.

Dalam kenyataan bersama, Muhyiddin dan Hsien Loong, memaklumkan mereka mengambil maklum perkembangan siri perbincangan yang diadakan dan memahami kedudukan kedua-dua negara berhubung projek berkenaan.

“Kedua-dua pihak akan mengumumkan perincian lanjut mengenai projek ini melalui kenyataan bersama apabila tiba masanya,”

kata kenyataan berkenaan.

Pada 26 November lalu, media melaporkan, Singapura akan meneruskan usaha dalam memuktamadkan perbincangan dengan Malaysia mengenai projek menghubungkan Kuala Lumpur-Singapura itu pada 31 Disember ini.

Kementerian Pengangkutan Singapura (MOT) dilaporkan berkata, kerajaan negara itu percaya projek berkenaan akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara dan tetap komited dalam memenuhi perannya di bawah Perjanjian Dua Hala (bilateral) HSR.

Kedua-dua negara menandatangani perjanjian itu pada Disember 2016 sebelum projek berkenaan ditangguhkan dua kali atas permintaan Malaysia. Sepanjang tempoh itu, Malaysia turut mencadangkan beberapa perubahan pada projek terbabit dalam aspek komersial dan teknikal.